

30/10/2003

'Ugutan tidak pengaruhi kita'

Mohd Azlan Jaafar; Kadir Dikoh; Salina Abdullah

PUTRAJAYA: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menegaskan sebarang keputusan kerajaan bertujuan memelihara kepentingan negara ini tanpa dipengaruhi ugutan mana-mana negara termasuk Amerika Syarikat.

Perdana Menteri yang 'berterima kasih' atas keprihatinan Presiden George

W Bush yang menentang tindakan Senat Amerika Syarikat mengenakan syarat untuk meluluskan bantuan latihan ketenteraan bernilai RM4.5 juta (AS\$1.2 juta), berkata keputusan yang dibuat juga bukan dibuat dirinya saja.

"Kita mentadbir negara kita demi kepentingan kita, mengikut cara kita dan orang lain tidak berhak mempengaruhi atau mengugut kita dalam mana-mana cara," katanya selepas majlis menandatangani perjanjian antara Proton

dengan Syarikat Pembangunan Industri Automotif Iran (AIDCO) di Jabatan Perdana Menteri (JPM) di sini, petang semalam.

Dr Mahathir ditanya mengenai kenyataan Bush yang menentang sebarang tindakan yang mengaitkan peraturan berhubung kebebasan beragama kepada pemberian bantuan latihan ketenteraan bernilai RM4.5 juta itu.

Media asing melaporkan Jabatan Negara Amerika Syarikat percaya Dr Mahathir sudah dikecam berikutan kenyataan mengenai Yahudi dan penggantinya wajar diberikan peluang untuk mengambil pendirian berlainan sebelum dihukum dengan sekatan bantuan.

Jurucakapnya, Richard Boucher dilaporkan berkata, pentadbiran Rumah Putih berkongsi kebimbangan Senat Amerika itu.

"Bagaimanapun, ketika ini kita percaya pentadbiran baru Malaysia harus dinilai berdasarkan tindakan dan pandangannya. Saya berpendapat kita harus

memberikan peluang kepada pentadbiran baru mengambil pendirian berbeza," kata Boucher.

Perdana Menteri berkata, pendirian menolak sebarang bantuan atau ugutan

mana-mana pihak bukan keputusan beliau semata-mata.

"Ini adalah pendirian kerajaan dan mesyuarat Kabinet pagi ini memutuskannya (menentang sebarang ugutan). Ini pendirian kerajaan," katanya dengan tegas.

Sementara itu, di KUALA LUMPUR, ketika berucap pada majlis penyampaian bantuan hari raya dan berbuka puasa anjuran Badan Perhubungan Umno Wilayah

Persekutuan di pekarangan Masjid Negara di sini, petang semalam, Dr Mahathir berkata, Malaysia tidak memerlukan wang asing masuk ke negara ini

jika niat mereka untuk menghancurkan kerajaan dan rakyat.

"Mereka tuduh kita macam-macam, termasuk kononnya tidak ada kebebasan beragama. Kalau mereka tuduh kita dan tak nak bagi duit kepada kita, tak apalah... simpanlah duit itu. Kamu boleh belanja duit itu untuk maksud lain.

"Kita tak berapa perlu kepada duit itu, sebaliknya kita amat bangga dengan kemerdekaan kita dan kita akan pertahankan kemerdekaan negara kita

walaupun apa ancaman yang dituju kepada kita," katanya.

Hadir sama pada majlis itu timbalannya, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan beberapa menteri Kabinet.

Katanya, rakyat pelbagai kaum di negara ini bersyukur kerana mereka boleh bebas beragama dan hakikat itu terbukti apabila majlis petang itu turut dihadiri masyarakat bukan Islam, termasuk pemimpin parti komponen Barisan Nasional (BN).

"Ini adalah sesuatu yang baik kerana pada pendapat saya orang bukan Islam harus bersama dengan orang Islam dalam acara tertentu supaya mereka dapat lihat bahawa tidak ada sesuatu yang pelik diamalkan oleh orang Islam.

Dr Mahathir berkata, berkat kerjasama itu negara ini aman dan menjadi begitu maju sehingga dikagumi dunia lain.

Beliau mengajak rakyat terus merapatkan hubungan terutama sewaktu menyambut perayaan keagamaan masing-masing seperti Deepavali dan Aidilfitri.